



**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**EAIC: OPS SELAMAT 9/2016 CAPAI MATLAMAT**

Putrajaya 12 Julai 2016 - Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi penguatkuasaan, khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang terlibat dalam menjayakan Ops Selamat 9/2016 yang telah dilancarkan pada 27 Jun 2016 sehingga 11 Julai 2016.

EAIC percaya Ops Selamat 9/2016 tersebut secara keseluruhannya telah mencapai matlamat yang dihasratkan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan dan kecelakaan di jalan raya terutama yang melibatkan kehilangan nyawa di kalangan pengguna jalan raya semasa musim perayaan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 ini.

EAIC mengucapkan syabas dan memuji komitmen yang telah ditunjukkan oleh pegawai, anggota dan petugas terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang lalu lintas. Orang ramai sewajarnya memahami dan menghargai tanggungjawab petugas-petugas yang telah banyak membantu dalam melicinkan perjalanan lalu lintas dan keselamatan di jalan raya, termasuk di lebuhraya-lebuhraya utama di seluruh negara.

EAIC menyokong penuh penguatkuasaan undang-undang yang serius terhadap pengguna-pengguna jalan raya yang telah menyalahguna lorong kecemasan di lebuhraya dan jalan-jalan utama. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja mengganggu kelancaran laluan kenderaan bantuan kecemasan, malah turut mengundang masalah dan kerumitan kepada pengguna lain yang mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)



Dalam pada itu EAIC turut menyarankan kepada PDRM, JPJ dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk membuat semakan rekod dengan lebih kerap dan konsisten bagi mengesan identiti pemandu kenderaan kenderaan-kenderaan berat (lori dan bas ekspres) yang mempunyai rekod saman lalu lintas tertunda bagi tindakan sewajarnya diambil terhadap mereka serta pengusaha terlibat.

Tindakan tegas perlu diambil supaya pemandu-pemandu yang mempunyai sikap "*habitual offender*" atau tidak mempeduli dan menghormati undang-undang dapat dikesan dan digantung / dibatalkan kebenaran memandu mereka untuk tempoh tertentu.

**-TAMAT-**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC)

12 Julai 2016